

TARIKH	14 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	e 1	RUANGAN	EKONOMI

Tabung Haji beli hartanah di London

Pelaburan RM1 bilion patuhi syariah

Ahmad Farizal Hajat

SELEPAS aktif melabur dalam hartanah di Arab Saudi sejak beberapa tahun lalu, Lembaga Tabung Haji mengalihkan pula perhatiannya ke Eropah dengan menyasarkan United Kingdom (UK) sebagai destinasi pelaburan seterusnya.

Pengurus dana Islam terbesar di dunia itu memperuntukkan hampir RM1 bilion bagi membeli sebuah hartanah komersial yang mematuhi syariah di kota raya London.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail, berkata pihaknya berharap dapat memuktamadkan rundingan bagi pembelian hartanah berkenaan sebelum akhir tahun ini.

"Rancangan mengembangkan skop pelaburan ke UK dengan membeli hartanah di London ini adalah untuk merebut peluang dalam bidang yang menjanjikan pulangan lumayan dan pendapatan tetap, sekali gus mampu memberikan kadar pulangan masa depan yang baik

serta konsisten kepada pendeposit kami," katanya kepada media selepas majlis memeterai ikrar integriti korporat Lembaga Tabung Haji, di Kuala Lumpur semalam.

Hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asaari Mohamed Nor; Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed; dan Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali.

Tabung Haji kini memiliki 6.9 juta pendeposit dengan jumlah deposit setakat tahun lalu sebanyak RM31.7 bilion.

Ismee berkata, hartanah yang akan dibeli Tabung Haji itu sudah pun dikenal pasti melalui tinjauan yang dijalankan sebuah pasukan khasnya sejak 2008.

"Hartanah di UK sememangnya sudah lama berada dalam perhatian kami. Namun kami amat berhati-hati dalam membuat pembelian kerana setiap aset yang dibeli Tabung Haji mesti mematuhi syariah, jus-

teru kami sedikit perlahan berbanding agensi pelaburan lain," katanya sambil menambah hartanah yang akan dibelinya itu kini dihuni oleh barisan penyewa yang menjalankan aktiviti perniagaan yang tidak bertentangan dengan syarak.

Katanya, langkah meluaskan jangkauan pelaburan dalam sektor hartanah itu juga adalah sebahagian usaha Tabung Haji mempelbagaikan portfolio pelaburannya sesuai dengan persekitaran pasaran semasa.

Dalam perkembangan lain, Ismee berkata, pihaknya merancang menggunakan hasil penjualan ekuitinya dalam PT TH Indo Plantation (THIP) berjumlah AS\$910 juta (RM2.8 bilion) bagi membeli lebih banyak ladang sawit di Malaysia dan negara jiran lain.

"Kami akan mencari tanah (ladang sawit) yang lebih dekat dengan kita di negara sendiri ataupun di negara jiran lain yang mudah untuk kita uruskan," katanya.



ISMEE (kiri) menyerahkan Ikrar Integriti Korporat Lembaga Tabung Haji kepada Abu Kassim disaksikan oleh Abi Musa Asaari (dua dari kiri) dan Presiden Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr Mohd Tap Salleh (dua dari kanan) di Bangunan Tabung Haji, semalam.